

News Release

30 November 2023



NUTP dan Zurich Malaysia Bekerjasama untuk Melancarkan NUTP Medicare

KUALA LUMPUR, 30 November 2023 – Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) mengumumkan kerjasama dengan Zurich Malaysia (Zurich), untuk melancarkan NUTP Medicare, pelan takaful hospital dan pembedahan berkelompok komprehensif yang melindungi kos rawatan perubatan bagi perbelanjaan prosedur pembedahan akibat kemalangan atau penyakit. Kerjasama ini mencerminkan usaha berterusan NUTP untuk menyediakan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan untuk ahlinya melalui pelan perlindungan takaful yang bersesuaian.

Presiden NUTP, Aminuddin bin Awang berkata, “Di NUTP, kami komited terhadap kebajikan ahli kami, dan pelancaran NUTP Medicare adalah bukti komitmen itu. Kerjasama dengan Zurich merupakan kejayaan penting bagi NUTP kerana perlindungan takaful ini menyediakan manfaat yang sama seperti produk lain di pasaran namun pada harga yang mampu milik. Penyertaan dalam NUTP Medicare akan menyediakan bantuan yang amat diperlukan kepada ahli kami semasa kecemasan dan masa yang mencabar, dalam memastikan mereka mempunyai akses kepada perkhidmatan perubatan yang komprehensif dan bernilai tambah. Kami mengalu-alukan semua ahli NUTP untuk memanfaatkan peluang ini dan menyertai NUTP Medicare untuk kesejahteraan mereka serta orang yang tersayang.”

Dengan NUTP Medicare, ahli NUTP kini boleh mendapatkan manfaat daripada rawatan pakar di hospital swasta, bagi memastikan keselesaan dan penjagaan terbaik kepada mereka. Manfaat-manfaat* utama adalah seperti berikut:

- Kadar caruman yang berpatutan dan tetap untuk ahli berumur 18 hingga 60 tahun, bermula pada kadar serendah RM70 sebulan, ahli boleh menikmati perlindungan yang komprehensif tanpa sebarang deduktibel atau ko-takaful.
- Perlindungan 24 jam di seluruh dunia, menawarkan ketenangan fikiran tidak kira di mana ahli berada.
- Akses kepada lebih 160 pilihan panel hospital yang terkenal, membolehkan ahli memilih kemudahan yang paling sesuai dengan keperluan mereka.
- Perlindungan menyeluruh untuk seluruh keluarga adalah serendah RM180 sebulan, tanpa had ke atas bilangan kanak-kanak yang dilindungi di bawah umur 23 tahun.

Ketua Pegawai Eksekutif Zurich General Takaful Malaysia Berhad, Shamsul Azman berkata, “Dalam era kemajuan teknologi perubatan dan rawatan yang lebih maju, peluang untuk mendapatkan bantuan perubatan selalunya memerlukan kos yang tinggi. Kami berbesar hati untuk bekerjasama dengan NUTP dalam menyediakan akses kepada pelan perlindungan takaful perubatan yang komprehensif dan mampu milik untuk ahli NUTP. Kerjasama ini membolehkan kami memanfaatkan kepakaran dan sumber kami untuk memastikan ahli NUTP menerima perlindungan penjagaan kesihatan berkualiti tinggi sedia ada. Inisiatif ini sejajar dengan kempen jenama ‘Lindungi Segala Perkara Yang Bermakna’ kami, yang menekankan kepentingan menjaga implikasi kewangan yang mungkin timbul daripada situasi yang tidak dijangka.”

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai NUTP Medicare dan butiran pendaftaran, sila layari www.nutpmedicare.com.my. Sebagai alternatif, sila hubungi Pusat Panggilan Zurich Malaysia di 1-300-888-622 atau e-mel callcentre@zurich.com.my mengenai pentingnya mendapatkan perlindungan.

*Tertakluk pada terma dan syarat

###

Nota kepada editor:

Tentang Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP)

NUTP telah ditubuhkan dan didaftarkan secara rasmi sejak tahun 1974. NUTP sentiasa komited & bertanggungjawab terhadap kebajikan guru-guru, skim gaji dan perkara-perkara yang berkaitan

News Release

30 November 2023



dengan profession guru. NUTP sebagai satu kesatuan yang sentiasa membela nasib guru-guru. Setakat 2022, NUTP mempunyai 230,000 ahli yang berdaftar . NUTP mempunyai 12 cawangan negeri dan pejabat dengan kakitangan yang berkebolehan. Untuk maklumat lanjutan NUTP, sila layari www.nutp.org.my.

Tentang Zurich Malaysia

Zurich Malaysia adalah istilah rujukan kolektif bagi anak-anak syarikat Zurich Insurance Group (Zurich) yang beroperasi di Malaysia: Zurich General Insurance Malaysia Berhad, Zurich Life Insurance Malaysia Berhad, Zurich General Takaful Malaysia Berhad dan Zurich Takaful Malaysia Berhad. Zurich Malaysia menawarkan pelbagai penyelesaian insurans dan takaful yang komprehensif; membantu individu dan juga pemilik perniagaan memahami dan melindungi diri, perniagaan dan juga asset mereka daripada risiko. Zurich Malaysia mempunyai rangkaian cawangan bersepadu di bandar-bandar utama di seluruh negara dan juga agensi dan saluran pengedaran yang berdedikasi di seluruh negara untuk memenuhi keperluan pelanggan. Untuk maklumat lanjut mengenai Zurich Malaysia, layari www.zurich.com.my.